



**AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK)  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**KENYATAAN MEDIA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**LAWATAN KHAS KELUARGA KLIEN KE PUSPEN SEMPENA SAMBUTAN HARI NATAL**

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) membenarkan sesi lawatan khas keluarga/penjaga klien yang mengikuti Program Rawatan dan Pemulihan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) di seluruh negara bersempena dengan sambutan Hari Natal bagi tahun 2021.

Sesi lawatan khas secara bersemuka itu hanya dibenarkan di negeri yang berada dalam Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) manakala negeri-negeri yang belum mencapai Fasa 4 PPN hanya dibenarkan pertemuan secara dalam talian.

Kebenaran bersemuka itu perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) PPN yang ditetapkan termasuk hanya pelawat yang lengkap dua dos vaksin dibenarkan bagi tempoh lima hari bermula 25 hingga 29 Disember 2021.

Setiap keluarga/penjaga perlu membuat janji temu dengan pihak PUSPEN bagi mengelakkan kesesakan, melancarkan perkhidmatan AADK dan mengelakkan risiko penularan jangkitan wabak Covid-19.

Permohonan janji temu itu boleh dibuat menerusi panggilan telefon; khidmat pesanan ringkas (SMS), pesanan aplikasi WhatsApp; surat atau e-mel kepada Pegawai Pemulihan terlibat.

Lawatan secara **walk-in** adalah tidak dibenarkan sama sekali dalam tempoh pandemik ini. Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi PUSPEN berkaitan atau melayari laman web rasmi AADK di [www.adk.gov.my](http://www.adk.gov.my).

Sesi lawatan keluarga itu akan memberi ruang dan peluang kepada keluarga/penjaga dan klien untuk bertemu mesra serta sebagai pendekatan terapeutik dalam menyokong pengendalian keupuhan klien yang berada dalam institusi.

-TAMAT-

**AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

KAJANG  
14 DISEMBER 2021  
Bil. 8/2021

*Lebih Baik Cegah*

**#DadahTerkawal2025**